

**K**EJADIAN bekalan air berbau berikutan peningkatan mendadak kandungan bahan organik atau ammonia dalam sumber air mentah dari Sungai Kembong, dekat Putrajaya, minggu lalu, seharusnya membuka mata semua pihak.

Alasan yang diberi Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) ialah pencemaran ammonia itu berlaku akibat limpahan air kotor ke Sungai Kembong ketika hujan lebat pada awal pagi hari kejadian.

Air larut resap atau 'leachate' itu dikatakan melimpah dari pusat pelupusan sampah milik Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) selepas benteng yang menakung bahan kotor itu pecah akibat hujan lebat.

Kejadian yang menjejaskan lebih dua juta penduduk itu membabitkan 12 kawasan iaitu Semenyih, Putrajaya, Cyberjaya, Bangi, Salak Tinggi, Tampoi, USJ, Pulau Meranti, Seri Kembangan, Sepang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Syabas atau MPKJ tidak harus dipersalahkan sepenuhnya kerana ia secara kebetulan berlaku di kawasan itu, tetapi kejadian itu harus dilihat daripada perspektif lebih menyeluruh.

Sebelum itu, pada 26 Februari lalu, tiga loji di Sungai Selangor dicekoki ammonia akibat resapan air kotor dari pusat pelupusan sampah Bukit Tagar.

Sekarang bukan masa untuk menuding jari kepada mana-mana pihak, sebaliknya menuntut reformasi dan pengorbanan semua pihak daripada agensi kerajaan, swasta, pembangkang, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai.

Logik akal mengatakan, jika kualiti air di Sungai Kembong bersih, kejadian benteng pecah itu tidak akan menyebabkan kesan sebegitu buruk sehingga Syabas terpaksa menutup loji rawatan air di Semenyih.

Kejadian itu hanya memburukkan keadaan, dosa awal sudah lama

# SUNGAI KITA MASIH BOLEH DISELAMATKAN

dilakukan pelbagai pihak termasuk pengusaha kilang tidak bertanggungjawab serta masyarakat sekeliling yang gemar membuang sampah ke dalam sungai.

Jika isu itu bukan sesuatu yang serius dan memerlukan pemerhatian dan tindakan segera, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak akan membuang masa menyentuh perkara itu ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 31 Mac lalu.

"Apa yang sedang berlaku kepada sumber air di negara ini amatlah menyentuh hati saya - ia sangat menyedihkan. Pencemaran yang berlaku membunuh hidupan di air.

"Sungai yang satu ketika dahulu kaya dengan kehidupan seperti ikan, udang dan tunting yang menjadi sumber bekalan protein memenuhi keperluan manusia. Segalanya pupus. Air sungai menjadi keruh dan kini berbau busuk.

"Segala bala ini adalah balasan bumi kepada perbuatan zalim manusia yang diperlihatkan Ilahi. Tabiat buruk manusialah yang menjadi pencetus bala yang mungkin kita hadapi.

"Aktiviti membalak yang berlebihan, pencerobohan ke kawasan tadahan air, kerakusan manusia yang tamak kebendaan, perbuatan membuang sampah-sarap ke sungai dan longkang adalah antara puncanya," katanya.

Keprihatinan Pak Lah tepat pada masanya. Pencemaran sungai bukan perkara main-main, kerana ia keperluan asas bagi manusia, bukan

Jika lima keperluan dapat dilaksanakan, sungai di negara ini akan kembali bersih dan menjadi model kepada negara lain

kehendak masyarakat moden seperti kemajuan teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Bayangkan, apa akan jadi kalau dalam masa 10 tahun akan datang, semua sungai kita tercemar dan tidak lagi mampu dirawat. Ia pasti akan mendatangkan kesan dan impak besar kepada kesihatan semua rakyat di negara ini termasuk pemimpin atasan dan masyarakat bawah.

Kalau pelbagai penyakit pelik muncul, kos rawatan akan meningkat mendadak dan ia boleh mengganggu perjalanan Misi Nasional ke arah negara maju menjelang 2020.

Hakikatnya, kita belum terlambat kerana jika lima keperluan ini dapat direalisasikan, sungai milik negara akan kembali bersih, jernih dan menjadi model kepada negara lain.

**1. Segerakan projek RMK-9 yang berkaitan sistem pembekalan air.**

Antara projek utama yang akan dilaksanakan termasuk Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor, Skim Bekalan Air Triang dan Batu Hampar di Negeri Sembilan, Sandakan Fasa 2 di Sabah dan Loji Rawatan Air Langat Fasa 2 di Selangor.

Kerajaan turut memperuntukkan RM1.48 bilion bagi pemuliharaan rangkaian pengaliran bagi mengurangkan kadar air tidak terhasil daripada 38 peratus pada 2005 kepada 30 peratus menjelang 2010.

Selain itu, sebanyak RM510 juta diperuntukkan untuk membersihkan, memulihara dan mengindahkan sungai.

**2. Tutup pusat pelupusan sampah terbuka dan gunakan teknologi moden.**

Perkara ini akan dikemukakan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pencemaran Alam Sekitar yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak esok.

Ia dijangka tiada masalah untuk dipersetujui kerana tapak pelupusan sampah terbuka berhampiran sungai terbukti mengeluarkan air larut resap yang memasuki sungai dan mencemarkan sumber air.

**3. Tingkatkan kempen kesedaran di kalangan rakyat.**

Kempen ini pada peringkat awal mungkin mendapat sambutan dingin tetapi perlu diteruskan dari semasa ke semasa dengan pendekatan sesuai termasuk menggunakan ikon atau selebriti terkenal bagi menarik perhatian orang ramai.

Ini kerana, budaya membuang sampah

merata-rata termasuk di longkang dan sungai sudah menjadi penyakit bagi rakyat Malaysia.

**4. Penguatkuasaan.**

Jabatan Alam Sekitar (JAS) mungkin melenting atau tidak mengakuinya, tetapi bukan suatu rahsia tahap penguatkuasaan jabatan itu masih lemah dan perlu dipertingkatkan.

Kalau jumlah kekurangan kakitangan penguat kuasa menjadi masalah, idea Azmi supaya anggota Rela memainkan peranan sama boleh dipraktikkan. Ataupun, gunakan teknologi moden seperti satelit untuk mengesan kegiatan tidak bertanggungjawab.

Selagi penguatkuasaan lemah, selagi itulah akan ada pihak yang mengambil kesempatan terutama pengusaha kilang tidak bertanggungjawab dengan membuang bahan toksik ke dalam sungai.

Jika perlu, kerajaan harus memperkenalkan undang-undang baru yang lebih ketat bagi mencegah pencemaran sumber air dan membuang sampah ke longkang atau sungai.

**5. Peranan PBT dan kerajaan negeri.**

Hentikan pengeluaran lesen baru bagi kilang berpotensi menghasilkan bahan buangan yang mencemarkan sumber air sungai, dan bagi lesen tamat tempoh, jangan diperbaharui. Kilang terbabit boleh ditempatkan ke kawasan terpencil yang jauh dari sungai.

Jika semua langkah itu diambil selain idea baru daripada agensi berkaitan, kualiti sumber air di negara ini mampu dipulihkan terutama di Lembah Klang. Syaratnya, kita perlu bergerak pantas seperti arnab dan bijak umpama kancil, jangan lembap macam kura-kura.